

**GARIS PANDUAN PENGANUGERAHAN KELAYAKAN
AKADEMIK BERASASKAN AKREDITASI
PEMBELAJARAN TERDAHULU (APEL.Q) UKM**

GLOSARI

Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL.A-Akses)

Satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan pentaksiran terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seperti ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap, untuk menentukan tahap seseorang individu mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan, bagi mengakses sesuatu program pengajian.

Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL.C-Kredit)

Satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan pentaksiran terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seperti ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap, bagi menentukan tahap seseorang individu mencapai hasil pembelajaran untuk tujuan penganugerahan kredit.

Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (APEL.Q-Kelayakan)

Satu proses sistematik yang melibatkan identifikasi, dokumentasi dan pentaksiran terhadap pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu seperti ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap, bagi menentukan tahap seseorang individu mencapai hasil pembelajaran untuk tujuan penganugerahan kelayakan akademik kepada pelajar.

Hasil pembelajaran Program

Pernyataan tentang apa yang dijangka boleh diaplikasi, dianalisis, diperjelaskan dan/atau boleh ditunjukkan oleh pelajar selepas tamat sesuatu program.

Kursus (program pengajian)

Komponen atau blok pembelajaran dalam satu program. Istilah kursus boleh ditukar ganti dengan modul atau unit.

Kerangka Kelayakan Malaysia

Huraian atau deskripsi sistem pendidikan kebangsaan, yang difahami di peringkat antarabangsa, yang menjelaskan semua kelayakan dan pencapaian akademik dalam pendidikan tinggi atau pascasekolah dan menghubungkan kelayakan-kelayakan ini secara bermakna. Ia merupakan satu instrumen yang mengklasifikasikan kelayakan berdasarkan satu set kriteria yang diiktiraf di peringkat kebangsaan dan menjadi penanda aras terhadap amalan terbaik di peringkat antarabangsa.

Kredit

Ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu. Satu kredit bersamaan dengan 40 jam pembelajaran. Istilah jam pembelajaran juga dikenali sebagai jam nosional.

Jawatankuasa Akademik Senat (JKAS)

Merupakan jawatankuasa yang bertanggungjawab menimbangkan perkara-perkara berkaitan pengambilan/pendaftaran/keputusan peperiksaan untuk diperakukan kepada Senat untuk kelulusan dan pengesahan.

Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran APEL.Q

Merupakan jawatankuasa yang mengesahkan kesesuaian kaedah pentaksiran dan rubrik pentaksiran APEL.Q dengan keperluan HPP serta memastikan kaedah pentaksiran dan rubrik pentaksiran APEL.Q yang dibangunkan dapat mencapai tahap kompetensi yang diperlukan oleh sesuatu program.

Jawatankuasa Penilai APEL.Q

Merupakan jawatankuasa yang membangunkan bentuk pentaksiran, rubrik penilaian, jadual spesifikasi penilaian, soalan ujian cabaran dan skema jawapan pentaksiran APEL.Q. Jawatankuasa ini juga melaksanakan pentaksiran dan melaporkan keputusan pentaksiran pelajar kepada pengurusan fakulti/institut/pusat akademik (F/I/P) sebelum di bawa ke Mesyuarat JKAS.

Pembelajaran Sepanjang Hayat

Satu proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program pemerolehan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi sama ada secara formal atau tidak formal atau bukan formal berdasarkan pengalaman dan latihan.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025

Dokumen strategik yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, yang menggariskan hala tuju pendidikan tinggi negara untuk tempoh 10 tahun bermula dari 2015 sehingga 2025. Ia adalah kesinambungan daripada kajian semula Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) 2007-2020 serta penyelarasan PPPM (Prasekolah hingga Pendidikan Lepas Menengah) 2013-2025, yang bertujuan untuk meningkatkan dan memartabatkan sistem pendidikan tinggi negara.

Pembelajaran formal

Pembelajaran yang disengajakan/program pengajian yang disampaikan dalam satu konteks yang terancang dan berstruktur (pra-sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, kolej teknikal dan universiti) yang boleh membawa kepada penganugerahan formal/kelayakan yang diiktiraf.

Pembelajaran tidak formal

Pembelajaran secara berterusan sepanjang hidup serta pengalaman kerja (juga dikenali sebagai pembelajaran berasaskan pengalaman). Ia biasanya pembelajaran yang diperoleh secara tidak disengajakan.

Pembelajaran bukan formal

Pembelajaran yang selari dengan sistem pendidikan dan latihan arus perdana. Ianya boleh dinilai tetapi lazimnya tidak akan membawa kepada persijilan yang formal.

Penilai Luar APEL.Q (APEL.Q External Assessor)

Individu luar UKM yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/ atau pengalaman dalam bidang program berkaitan yang dilantik untuk melaksanakan penilaian kompetensi terhadap calon APEL.Q

Penilai Luar (External Examiner)

Individu luar UKM yang mempunyai kelayakan, kepakaran dan/ atau pengalaman dalam bidang berkaitan dan/atau proses pelaksanaan APEL.Q yang dilantik untuk melaksanakan penilaian terhadap dasar, proses dan prosedur yang dijalankan bagi memastikan UKM telah mengamalkan/memenuhi/mengekalkan dan mencapai keperluan dasar/standard APEL.Q yang ditetapkan oleh KPT/MQA/Senat UKM.

Program pengajian

Satu set kursus yang dirangka bagi sesuatu tempoh dan jumlah pembelajaran yang spesifik bagi mencapai hasil pembelajaran yang dinyatakan yang kebiasaannya menjurus kepada pengiktirafan sesuatu kelayakan.

Senat

Badan akademik bagi universiti dan tertakluk kepada peruntukan AUKU, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain.

SINGKATAN DAN AKRONIM

Akademik UKM	Pusat Pengurusan Akademik UKM
APEL.Q	Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu (Penganugerahan Kelayakan Akademik)
APPT	Akreditasi Pembelajaran Berasaskan Pengalaman Terdahulu – Istilah UKM
HPP	Hasil Pembelajaran Program
IPT	Institusi Pengajian Tinggi
JKPAPEL.Q	Jawatankuasa Penilai APEL.Q
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
PPMPT	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi)

SENARAI KANDUNGAN

GLOSARI	2
SINGKATAN DAN AKRONIM.....	5
SENARAI KANDUNGAN.....	6
BAB 1 : PENGENALAN	7
BAB 2 : DEFINISI DAN KONSEP APEL.Q	8
2.1 Definisi APEL.Q	8
2.2 Justifikasi Pelaksanaan APEL.Q	8
2.3 Prinsip Teras APEL.Q.....	9
2.4 Polisi Umum APEL.Q.....	10
2.5 Penganugerahan Kelayakan	11
2.6 Proses Pelaksanaan	12
2.1 Prosedur dan Instrumen Pentaksiran.....	13
BAB 3 : UNIT APEL, PENASIHAT, JAWATANKUASA PENILAI DAN JAWATANKUASA MODERASI APEL.Q	17
3.1 Peranan Unit APEL adalah seperti berikut:	17
3.2 Penasihat APEL.Q :.....	18
3.3 Jawatankuasa Penilai APEL.Q :	19
3.4 Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran APEL.Q :.....	20
BAB 4 : PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN APEL.Q.....	24
4.1 Permohonan APEL.Q	24
4.2 Rayuan APEL.Q	37
4.3 Penganugerahan Kelayakan Akademik	37
4.4 Pematuhan dan Penjaminan Kualiti	37
Lampiran A : Proses dan Prosedur Permohonan Penawaran APEL.Q oleh Program Pengajian	39
Lampiran B: Templat Portfolio Permohonan APEL.Q.....	44
Lampiran C : Contoh Borang Penilaian Risiko.....	51
Lampiran D : Perbezaan skop penasihat yang dilaksanakan oleh Penasihat APEL.Q dan pegawai di Unit APEL.Q.....	53
Lampiran E : Contoh Borang Penilaian sendiri Pelajar	54
Lampiran F : Contoh Borang Permohonan APEL.Q	57
Lampiran G : Senarai Semak Pelantikan Penasihat APEL.Q, Jawatankuasa Penilai APEL.Q dan Jawatankuasa Moderasi APEL.Q.....	59
Lampiran H: Borang Rayuan APEL.Q.....	60
SENARAI RUJUKAN.....	61

BAB 1 : PENGENALAN

1.0 LATAR BELAKANG

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) dan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memperkenalkan 'APEL untuk penganugerahan kelayakan akademik' atau APEL.Q bagi menyokong pelaksanaan pembelajaran sepanjang hayat.

Melalui APEL.Q, individu yang mempunyai pengalaman untuk tempoh masa tertentu dan pengalamannya telah dibuktikan mencapai keperluan Hasil Pembelajaran Program boleh dianugerahkan ijazah tanpa memerlukan individu tersebut mengikuti aktiviti pengajaran dan pembelajaran secara konvensional.

MQA telah membangunkan draf awal 'GGP APEL.Q - Garis Panduan Amalan Baik Pelaksanaan APEL.Q' yang akan dijadikan rujukan kepada Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang ingin melaksanakan APEL.Q. MQA juga sedang dalam usaha untuk melaksanakan projek rintis APEL.Q melibatkan beberapa buah IPTA dan IPTS terpilih. Projek rintis ini dilaksanakan bagi memastikan proses dan prosedur yang ditetapkan di dalam GGP APEL.Q dapat dilaksanakan secara berkesan.

BAB 2 : DEFINISI DAN KONSEP APEL.Q

2.1 Definisi APEL.Q

APEL untuk Anugerah Kelayakan Akademik [APEL.Q] adalah penganugerahan kelayakan akademik bagi program pengajian yang ditawarkan di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) kepada individu pelajar melalui penilaian dan pentaksiran berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu pelajar tersebut.

APEL.Q menyediakan mekanisme untuk mengiktiraf pembelajaran berdasarkan pengalaman individu yang relevan dan khusus kepada program pengajian. Pemberian kelayakan akademik [APEL.Q] diberikan pada asas pengetahuan, kemahiran dan kecekapan yang diperoleh melalui pembelajaran formal, pembelajaran tidak formal atau pembelajaran bukan formal.

APEL.Q yang membawa kepada penganugerahan kelayakan akademik memberikan penekanan kepada pembelajaran berdasarkan pengalaman terdahulu yang perlu dinilai secara formal untuk menjaga integriti dan kredibiliti penganugerahan kelayakan yang diberikan.

Proses APEL.Q akan menentukan sama ada pembelajaran terdahulu individu tersebut sesuai dengan hasil pembelajaran program (HPP) serta lima kelompok hasil pembelajaran Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) yang berkaitan dan *body of knowledge* program berkenaan.

2.2 Justifikasi Pelaksanaan APEL.Q .

Justifikasi pelaksanaan APEL.Q adalah seperti berikut:

- i) Memberi pengiktirafan kepada pembelajaran yang diperoleh daripada sumber pembelajaran formal , tidak formal dan bukan formal serta mempromosikan budaya pembelajaran sepanjang hayat;
- ii) Mengurangkan pertindihan pembelajaran atau mempelajari ilmu dengan kandungan yang sama/serupa;
- iii) Meningkatkan penyertaan orang dewasa dalam pendidikan tinggi dengan mengiktiraf pengalaman pembelajaran terdahulu mereka dalam bentuk pemindahan kredit;
- iv) Boleh mengurangkan masa dan kos pelajar untuk melengkapkan sesuatu program pengajian.

2.3 Prinsip Teras APEL.Q

Bagi memastikan proses APEL.Q ini telus dan berkesan serta jaminan kualiti yang diamalkan dan dilaksanakan meyakinkan semua pihak berkepentingan yang terlibat, prinsip teras APEL.Q berikut perlu dipatuhi:

- i) Proses sukarela berpusatkan pelajar
 - APEL.Q mendorong pembelajaran berterusan dan mempromosikan aspek positif pengalaman pembelajaran seseorang individu. APEL.Q berkisar kepada proses untuk mendapatkan kelayakan akademik melalui pentaksiran pembelajaran pengalaman terdahulu pelajar. Oleh itu, ia menjadi tugas dan tanggungjawab pelajar untuk memberikan dokumentasi dan bukti yang sesuai untuk proses pentaksiran dan kesediaan mengikuti keseluruhan proses pentaksiran APEL.Q . Walaupun proses dilakukan oleh pelajar secara sukarela, mereka mesti dibimbing/dipandu oleh F/I/P melalui penasihat APEL.Q yang dilantik.
- ii) Kebolehcapaian
 - Pelaksanaan APEL.Q ini adalah terbuka kepada semua pelajar yang mendaftar ke program pengajian untuk semua tahap program yang telah mendapat akreditasi penuh.
 - Harus ada mekanisme dan sumber yang mencukupi (sumber manusia, infrastruktur dan infostruktur) disediakan untuk mengurus dan menyokong pelajar sepanjang proses APEL.Q .
 - Garis panduan/proses/prosedur/borang yang jelas dan komprehensif serta sistem sokongan APEL.Q hendaklah mudah dicapai oleh semua pihak berkepentingan yang berkaitan.
- iii) Keluwesan
 - Kaedah yang pelbagai perlu diwujudkan sebagai bantuan dan sokongan kepada pelajar serta bentuk pentaksiran yang akan dilaksanakan.
- iv) Keandalan, ketelusan dan ketekalan
 - Proses, prosedur, amalan dan keputusan penganugerahan APEL.Q haruslah andal atau boleh dipercayai, telus dan tekal untuk melindungi kredibiliti dan integriti keseluruhan sistem pentaksiran APEL.Q . Ini adalah perlu untuk memastikan semua pihak yang berkepentingan berkeyakinan dengan keputusan dan hasil daripada proses APEL.Q .

- v) Kejelasan peranan
- Definisi, perincian peranan dan tugas setiap pusat/unit/bahagian, Penasihat APEL.Q, Panel Penilai APEL.Q dan Jawatan Kuasa Moderasi Soalan APEL.Q perlu jelas.
- vi) Kualiti
- Semua proses APEL.Q hendaklah mematuhi standard yang ditetapkan dan melalui proses jaminan kualiti serta mekanisme pemantauan yang ketat seperti mana proses pembelajaran dan pentaksiran yang lain. Proses jaminan kualiti yang dilaksanakan hendaklah tersedia untuk diteliti oleh agensi atau badan jaminan kualiti dalam dan luar negara yang berkaitan pada setiap masa.

2.4 Polisi Umum APEL.Q

2.4.1 APEL.Q boleh dilaksanakan pada semua tahap bidang pengajian (prasiswazah dan siswazah) di bawah MQF. Walau bagaimanapun, pelaksanaan APEL.Q bagi program siswazah adalah terhad kepada program mod kerja kursus dan mod campuran sahaja.

2.4.2 APEL.Q adalah terbuka kepada semua individu dewasa (warganegara dan bukan warganegara) yang telah mendaftar di UKM dan mempunyai pengalaman pembelajaran yang relevan dengan program yang dimohon.

2.4.3 Pelajar yang memohon APEL.Q perlu memenuhi tempoh minimum pengalaman yang diperlukan oleh program mengikut tahap kelayakan seperti berikut:

Tahap MQF	Sektor Akademik	Tempoh Minimum Pengalaman Bekerja dalam Bidang Berkaitan
3	Sijil	5 Tahun
4	Diploma	10 Tahun
5	Diploma Lanjutan	12 Tahun
6	Sarjanamuda	15 Tahun
7	Sarjana	20 Tahun
8	Doktor Falsafah	25 Tahun

Nota: Pelajar yang tidak memenuhi syarat minimum yang dinyatakan di atas tetapi mempunyai pengalaman pembelajaran terdahulu yang luar biasa/unik boleh dipertimbangkan memohon APEL.Q berdasarkan kes tertentu (*case by case basis*).

- 2.4.4 Pelajar akan dinilai berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu (formal/tidak formal/bukan formal) sebelum penganugerahan kelayakan akademik melalui APEL.Q diberikan.
- 2.4.5 APEL.Q akan diberikan berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu dan penilaian Portfolio, *Field and Validation Visit*, Ujian Cabaran dan kursus *Capstone*.
- 2.4.6 Bagi calon pelajar dari kalangan kakitangan UKM, calon perlu melalui proses saringan Jawatankuasa Pemilih (kakitangan bukan akademik sahaja) dan Jawatankuasa Cuti Belajar. Rujuk prosedur kerja UKM-SPKP-JP-PK06: Pengurusan Cuti Belajar. Permohonan APEL.Q boleh dilakukan selepas kakitangan mendapat kelulusan cuti belajar dan berdaftar sebagai pelajar di UKM.

2.5 Penganugerahan Kelayakan

- 2.5.1 APEL.Q hanya boleh dilaksanakan untuk program pengajian yang telah mendapat Akreditasi Penuh sahaja.

Nota Penting!!

*Untuk tujuan pelaksanaan, setiap program pengajian perlu mendapatkan kelulusan APEL.Q daripada MQA dengan melengkapkan borang APEL(Q)-01, MQA dan melaksanakan semua proses permohonan seperti yang digariskan oleh MQA melalui dokumen '**Guideline to Good Practices: Accreditation of Prior Experiential Learning (APEL) for Award of Academic Qualifications [GGP: APEL(Q)]**'.*

*Proses dan prosedur permohonan penawaran APEL(Q)-01 adalah seperti di **Lampiran A**.*

- 2.5.2 Bagi program pengajian peringkat pascasiswazah (Tahap 7 & 8, MQF), penganugerahan kelayakan akademik melalui APEL.Q hanya terhad kepada program mod kerja kursus dan mod campuran sahaja:
- Untuk program kerja kursus, pelajar perlu melengkapkan kursus *capstone*.
 - Untuk program mod campuran, pelajar perlu menyelesaikan komponen penyelidikan (tesis atau disertasi) yang dianggap sebagai kursus *capstone*.
- 2.5.3 Pentaksiran untuk APEL.Q harus dilakukan secara berasingan untuk setiap program di mana setiap permohonan adalah khusus untuk pemberian satu kelayakan akademik

- 2.5.4 Penganugerahan kelayakan akademik menerusi APEL.Q akan dianggap sebagai satu bentuk pemindahan kredit di mana keseluruhan kredit program pengajian akan dianugerahkan.
- 2.5.5 Fakulti/institut/pusat akademik perlu mendapatkan persetujuan daripada badan profesional berkaitan untuk melaksanakan APEL.Q melibatkan program profesional di PTj masing-masing.
- 2.5.6 Syarat pengijazahan adalah tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh program pengajian.
- 2.5.7 Untuk penganugerahan kelayakan akademik, calon mesti:
- a. Menduduki instrumen pentaksiran berikut mengikut turutan:
 - i. Penilaian Portfolio;
 - ii. Penilaian dan Pengesahan Lapangan (FVV); dan
 - iii. Ujian Cabaran
 - b. Lulus semua instrumen pentaksiran dengan sekurang-kurangnya mencapai 50% daripada setiap Hasil Pembelajaran Program. Pelajar boleh mengulang pentaksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan sebelum meneruskan kursus *capstone*.
 - c. Lulus dan lengkapkan kursus *capstone* dengan PNGK minimum 2.0 untuk program prasiswazah dan 3.0 untuk program pascasiswazah.

2.6 Proses Pelaksanaan

- 2.6.1 Pelajar perlu membuat permohonan APEL.Q kepada MQA.
- 2.6.2 Calon hanya boleh memohon APEL.Q untuk satu program yang telah diluluskan oleh MQA untuk menjalankan APEL.Q pada bila-bila masa.
- 2.6.3 Tempoh maksimum untuk melengkapkan APEL.Q adalah seperti berikut:

Tahap MQF	Sektor Akademik	Tempoh Maksimum
3	Sijil	3 Tahun
4	Diploma	6 Tahun
5	Diploma Lanjutan	3 Tahun
6	Sarjanamuda	8 Tahun
7	Sarjana	4 Tahun

8	Doktor Falsafah	8 Tahun
---	-----------------	---------

2.6.4 Universiti akan mengeluarkan skrol bersama transkrip akademik yang menyatakan laluan APEL.Q dan PNGK yang diperolehi oleh pelajar. Transkrip ini juga akan turut dimasukkan dalam Penyata Kelayakan Malaysia (MQS).

2.1 Prosedur dan Instrumen Pentaksiran

2.1.1 Tiga instrumen pentaksiran utama akan digunakan untuk menilai pembelajaran berdasarkan pengalaman pelajar seperti berikut:

b. Penilaian portfolio

- Portfolio adalah dokumen formal yang mengandungi kompilasi bukti yang mendokumentasikan pembelajaran pengalaman terdahulu pelajar yang diperolehi dalam jangka waktu tertentu. Pembelajaran ini boleh berbentuk pembelajaran formal, tidak formal atau bukan formal. Portfolio disediakan oleh pelajar untuk menunjukkan bahawa pembelajaran yang diperolehi adalah relevan dan spesifik dengan pengetahuan/kecekapan program. Bukti mesti disusun dan dikemukakan berdasarkan hasil pembelajaran program yang dikenal pasti. Rujuk **Lampiran B** untuk Templat Portfolio Permohonan APEL.Q.

c. Lawatan dan pengesahan di lapangan (FVV)

- Dilaksanakan bertujuan untuk menilai dan mengesahkan bahawa pelajar mempunyai pengetahuan dan kecekapan yang sesuai untuk pemberian kelayakan akademik. Proses pentaksiran dan pengesahan ini boleh dilakukan di tempat kerja pelajar atau persekitaran/lokasi yang kondusif dan yang memungkinkan pentaksiran yang tepat dapat dijalankan. Antara contoh lokasi yang boleh digunakan untuk FVV ini adalah seperti di tempat kerja, di makmal atau dalam keadaan simulasi. Pentaksiran FVV membolehkan pelajar menunjukkan bahawa pembelajaran mereka dalam pekerjaan tertentu sesuai dengan hasil pembelajaran program. Jumlah lawatan di bawah FVV akan berbeza-beza bergantung pada kerumitan bidang/disiplin dan tahap pengajian. FVV dilakukan tidak boleh kurang dari dua kali bagi setiap pelajar. Pelajar akan menjalani sekurang-kurangnya dua kali FVV dalam tempoh dua minggu tertakluk kepada keperluan program.

- Pelajar boleh mencadangkan tempat atau lokasi FVV dilaksanakan bergantung kepada kelulusan fakulti/insitut/pusat akademik untuk tujuan lawatan dan pengesahan di lapangan.
- Bagi memastikan lawatan dan pengesahan FVV ini mencapai matlamat dan dilaksanakan dengan selamat, fakulti/insitut/pusat akademik perlu menyediakan keperluan berikut sebagai tindakan kawalan bagi mengelakkan isu keselamatan dan kesihatan semua pihak yang terlibat dengan FVV tersebut seperti 'Borang Penilaian Risiko Terhadap Lokasi FVV dan Kaedah Pentaksiran' serta borang akujanji melibatkan pihak Panel Penilai dan/atau majikan pelajar (sekiranya FVV dilakukan di tempat kerja pelajar). Rujuk **Rajah 2.1**: Carta Alir Pelaksanaan Lawatan dan Pengesahan Lapangan serta **Lampiran C**: Contoh Borang Penilaian Risiko FVV APEL.Q. Proses dan prosedur pelaksanaan FVV adalah seperti berikut:

Bil.	Proses/Prosedur	Tindakan
1.	Menyediakan Borang Penilaian Risiko FVV APEL.Q untuk dilengkapkan oleh pelajar	Ketua Program
2.	Melengkapkan Borang Penilaian Risiko FVV APEL.Q dan menyerahkan seula kepada Ketua Program	Pelajar
3.	Menilai kesesuaian lokasi FVV berdasarkan Borang Penilaian Risiko FVV APEL.Q. Nota: Ketua JK Penilai APEL.Q boleh mendapatkan bantuan Pegawai Risiko untuk mengesahkan kebarangkalian risiko FVV yang dicadangkan	Ketua JK Penilai APEL.Q
4.	Menyediakan surat lawatan dan borang akujanji	Urus setia JK Penilai APEL.Q
5.	Melengkapkan borang akujanji dan menghadiri taklumt pelaksanaan FVV	JK Penilai APEL.Q/ Organisasi Hos FVV
6.	Melaksanakan FVV mengikut lokasi dan tarikh yang ditetapkan	JK Penilai APEL.Q/ Organisasi Hos FVV/ pelajar

d. Ujian cabaran

Ujian Cabaran boleh berupa ujian bertulis, pemeriksaan lisan, penilaian produk dan/atau prestasi bergantung pada sifat dan disiplin program.

2.1.2 Pelajar wajib melengkapkan kursus *capstone*


2.1.3 Pemberat untuk setiap pentaksiran adalah seperti berikut:

Bil	Kaedah Pentaksiran	Pemberat (%)
1	Penilaian portfolio	20
2	Lawatan dan pengesahan di lapangan	20
3	Ujian cabaran	30
4	Kursus <i>Capstone</i>	30
Jumlah		100

Nota: Pelajar boleh memohon untuk menduduki semula semua kaedah pentaksiran sekiranya mereka tidak memenuhi keperluan *body of knowledge*/kompetensi program.

2.1.4 Untuk penganugerahan kelayakan akademik, calon mesti:

- a. Lulus semua instrumen pentaksiran dengan sekurang-kurangnya mencapai 50% daripada setiap Hasil Pembelajaran Program. Pelajar boleh mengulang pentaksiran dalam tempoh masa yang ditetapkan sebelum meneruskan kursus *capstone*.
- b. Lulus dan lengkapkan kursus *capstone* dengan PNGK minimum 2.0 untuk program prasiswazah dan 3.0 untuk program pascasiswazah.
- c. Mendapat sekurang-kurangnya 50% purata bagi setiap pentaksiran APEL.Q



Rajah 2.1: Carta Alir Pelaksanaan Lawatan dan Pengesahan Lapangan

BAB 3 : UNIT APEL, PENASIHAT, JAWATANKUASA PENILAI DAN JAWATANKUASA MODERASI APEL.Q

Unit APEL merupakan sebuah unit yang ditubuhkan untuk melaksana/memantau dan mengurus pelaksanaan APEL di UKM. Unit APEL akan melaksanakan kerjasama dengan beberapa pusat tanggungjawab lain seperti Pusat Kualiti-UKM, Pusat Pembangunan Profesional UKM dan fakulti/institut/pusat akademik bagi menjayakan semua aktiviti berkaitan APEL di UKM. Berikut adalah Terma dan Rujukan (ToR) Unit APEL dalam pelaksanaan APEL.Q.

3.1 Peranan Unit APEL adalah seperti berikut:

- i. Memantau dan menyemak keseluruhan proses dan prosedur APEL.Q secara berkala.
- ii. Menyelaras pelaksanaan APEL.Q berdasarkan garis panduan yang telah diterbitkan oleh MQA dan garis panduan UKM yang diluluskan oleh Senat
- iii. Memberi khidmat rundingan kepada pelajar yang ingin mendapatkan maklumat berkaitan proses dan prosedur permohonan APEL.Q dan Penasihat APEL.Q yang dilantik di peringkat F/I/P.
- iv. Menyemak borang permohonan dan Portfolio pelajar untuk memastikan semua dokumen yang diperlukan telah lengkap.
- v. Mengemukakan permohonan yang telah lengkap kepada Jawatankuasa Penilai APEL.Q di F/I/P.
- vi. Menyediakan kertas kerja laporan pentaksiran APEL.Q untuk kelulusan JKAS setelah mendapat maklum balas daripada Jawatankuasa Penilai APEL.Q F/I/P.
- vii. Memaklumkan keputusan permohonan APEL.Q kepada pelajar yang memohon melalui surat rasmi secara bercetak/elektronik dan disalinkan kepada F/I/P yang berkaitan.
- viii. Mengemas kini gred PQ dalam SMP bagi semua kursus untuk program pengajian terlibat sekiranya pelajar memilih untuk tidak mendaftar kursus semasa dalam proses permohonan APEL.Q atau setelah pelajar mendapat kelulusan APEL.Q .
- ix. Mengurus maklumat untuk rujukan pelajar dan F/I/P berkaitan dokumen APEL.Q serta senarai Penasihat APEL.Q yang dilantik di dalam Sistem Maklumat Pelajar/Luar Kampus (SMP/SMPLK) dan laman sesawang rasmi APEL.

Bagi memastikan proses pelaksanaan APEL.Q dapat berjalan dengan baik serta proses penilaiannya adalah andal, telus dan tekal, fakulti/institut/pusat akademik perlu melantik Penasihat APEL.Q , Jawatankuasa Penilai APEL.Q serta Jawatankuasa Moderasi APEL.Q . Proses lantikan Penasihat APEL.Q , Penilai APEL.Q serta Jawatankuasa Moderasi APEL.Q adalah seperti berikut:

Bil.	Proses/Prosedur	Tindakan
1.	1.1 Mengadakan mesyuarat untuk mengenal pasti calon yang berkelayakan dan memenuhi kriteria pelantikan Penasihat	Ketua Program

	APEL.Q, Jawatankuasa Penilai APEL.Q serta Jawatankuasa Moderasi APEL.Q	
2.	2.1 Menyerahkan nama calon Penasihat APEL.Q, Jawatankuasa Penilai APEL.Q serta Jawatankuasa Moderasi APEL.Q untuk lantikan	Ketua Program
3.	3.1 Mengeluarkan surat lantikan Penasihat APEL.Q, Jawatankuasa Penilai APEL.Q serta Jawatankuasa Moderasi APEL.Q beserta terma rujukan (TOR) dan tempoh lantikan kepada calon	Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat Akademik
4.	4.1 Menyerahkan maklumat Penasihat APEL.Q, Jawatankuasa Penilai APEL.Q serta Jawatankuasa Moderasi APEL.Q kepada Unit APEL untuk latihan. Nota: Penasihat APEL.Q, Jawatankuasa Moderasi APEL.Q dan Jawatankuasa Penilai APEL.Q termasuk Penilai Luar APEL.Q (External Assesor) yang telah menghadiri latihan sahaja dibenarkan melaksanakan tugas-tugas yang ditetapkan.	Ketua Program

Kriteria lantikan, Terma Rujukan dan keahlian Penasihat APEL.Q , Penilai APEL.Q serta Jawatankuasa Moderasi APEL.Q adalah seperti berikut (rujuk Lampiran :

3.2 Penasihat APEL.Q :

3.2.1 Kriteria Penasihat APEL.Q

Kakitangan yang dilantik sebagai Penasihat APEL.Q mestilah kakitangan akademik dalam program pengajian. Penasihat APEL.Q tidak boleh dilantik dalam kalangan Penilai/JK Moderasi APEL.Q. Penasihat APEL.Q haruslah individu yang diperaku dan dilatih oleh UKM atau MQA serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang berkaitan. Penasihat APEL.Q juga haruslah mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkaitan kandungan dan struktur program serta mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi daripada program yang dinasihati. Bagi Penasihat APEL.Q yang mempunyai kelayakan akademik yang setara, mereka perlu mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan. Tidak mempunyai konflik kepentingan dengan organisasi/syarikat di mana FVV akan dilaksanakan.

Bagi mengukuhkan atau membantu pelajar lebih memahami proses permohonan APEL.Q, **Lampiran D** menjelaskan perbezaan skop penasihat yang dilaksanakan oleh Penasihat APEL.Q dan pegawai di Unit APEL.

3.2.2 Terma Rujukan

Terma rujukan Penasihat APEL.Q adalah seperti berikut:

- i. memberi maklumat berkaitan jenis-jenis pengalaman terdahulu yang sesuai untuk program yang ditawarkan;
- ii. memberi nasihat dan panduan kepada pelajar tentang penyediaan borang permohonan dan Portfolio yang mencerminkan kompetensi yang boleh diukur untuk menilai kesesuaian dengan tahap pencapaian HPP;
- iii. membantu pelajar untuk menunjukkan kompetensi yang boleh mencapai hasil pembelajaran berdasarkan pengalaman dan kemahiran terdahulu yang telah diperoleh;
- iv. memberi nasihat dan pandangan kepada pelajar semasa proses penyediaan Portfolio pelajar, sesi temu bual, FVV dan ujian cabaran;
- v. [menyemak kelengkapan Portfolio yang disediakan oleh pelajar sebelum dikemukakan untuk penilaian oleh Penilai Dalam dan Luar.](#)
- vi. memberi nasihat kepada pelajar tentang rujukan/bahan bacaan untuk ujian cabaran/sesi temu bual;
- vii. mendapatkan maklumat daripada Jawatankuasa Penilai APEL.Q tentang bentuk-bentuk pentaksiran dan rubrik pentaksiran APEL.Q bagi program berkaitan untuk memudahkan proses penasihatn kepada pelajar.

3.3 Jawatankuasa Penilai APEL.Q :

3.3.1 [Kriteria dan Keahlian Jawatankuasa Penilai APEL.Q di F/I/P:](#)

Jawatankuasa Penilai APEL.Q terdiri dalam kalangan pakar bidang program pengajian yang memohon melaksanakan APEL.Q. Salah seorang daripada penilai tersebut perlu dilantik dari luar UKM ([Panel Penilai Luar APEL.Q \[APEL.Q External Assesor\]](#)) sama ada dalam kalangan ahli akademik atau profesional atau industri. [Jawatankuasa Penilai APEL.Q juga haruslah mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkaitan kandungan dan struktur program serta mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi daripada program yang dinilai.](#) Bagi Panel Penilai yang mempunyai kelayakan akademik yang setara, mereka perlu mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan. [Panel Penilai Luar APEL.Q \(APEL.Q External Assesor\)](#) yang dilantik dalam kalangan profesional atau industri perlu mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima tahun dalam bidang yang berkaitan. [Jawatankuasa Penilai APEL.Q haruslah individu yang diperaku dan dilatih oleh UKM atau MQA. Tidak mempunyai konflik kepentingan dengan organisasi/syarikat di mana FVV akan dilaksanakan.](#)

Keahlian Jawatankuasa Penilai APEL.Q di F/I/P adalah seperti berikut:

- Pengerusi – Timbalan Dekan/Pengarah F/I/P
- Ahli – sekurang-kurangnya dua (2) termasuk Penilai Luar APEL.Q ([APEL.Q External Assesor](#))
- Urus Setia – Penolong Pendaftar F/I/P

3.3.2 Terma rujukan Jawatankuasa Penilai APEL.Q di F/I/P:

- i. Menetapkan bentuk ujian cabaran dan kursus capstone
- ii. Membangunkan rubrik pentaksiran (portfolio, FVV, ujian cabaran dan kursus capstone), soalan ujian cabaran dan skema jawapan (Jadual 3.1: Proses Pembangunan dan Kelulusan Rubrik).
- iii. Menjalankan pentaksiran APEL.Q
- iv. Menyediakan Laporan Pentaksiran APEL.Q
- v. Melaporkan hasil pentaksiran APEL.Q kepada pihak Unit APEL untuk kelulusan Jawatankuasa Akademik Senat (JKAS)

3.3.3 Peranan dan tanggungjawab setiap individu (ahli jawatankuasa)

a. Penilai

- Memastikan proses pentaksiran menepati dasar/peraturan/standard yang telah ditetapkan oleh Universiti;
- Membuat pentaksiran terhadap pengalaman terdahulu pelajar berdasarkan hasil pembelajaran program yang dimohon;
- Memastikan kesahihan markah yang diberikan kepada pelajar menerusi peranan ahli Jawatankuasa Penilai sebagai pemeriksa kedua dan ketiga semasa proses penilaian;
- Menyediakan laporan pentaksiran APEL.Q untuk kelulusan Dekan/ Pengarah;
- Memajukan keputusan kelulusan pindah kredit kepada Akademik UKM.

b. Urus setia

- Menyelaras pengurusan bengkel/mesyuarat/sesi pentaksiran JK Penilai APEL.Q
- Mencatat keputusan mesyuarat Jawatankuasa Penilai APEL.Q .
- *Liason officer* dengan Unit APEL.Q dan Kedekanan dalam urusan penyerahan laporan untuk perakuan dan/atau kelulusan.

3.3.4 Sekiranya berlaku julat markah yang tinggi antara Penilai Dalam dan Penilai Luar dalam pentaksiran, penyelarasan akan dilakukan dalam Mesyuarat Penyelarasan Markah melibatkan kesemua ahli Jawatankuasa Penilaian APEL.Q. Di samping itu, pihak fakulti/program boleh melantik penilai ketiga untuk menilai semula pentaksiran pelajar menggunakan pembuktian yang sama. Laporan penilaian pentaksiran juga akan disemak oleh Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran.

3.4 Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran APEL.Q :

3.4.1 Kriteria dan Keahlian Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran APEL.Q di F/I/P:

Jawatankuasa Moderasi APEL.Q terdiri dalam kalangan pakar bidang program pengajian yang memohon melaksanakan APEL.Q. Ahli Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran APEL.Q tidak boleh dilantik dalam kalangan Jawatankuasa Penilai APEL.Q. **Jawatankuasa Moderasi APEL.Q** haruslah terdiri daripada individu yang diperaku dan dilatih oleh UKM atau MQA. serta mempunyai pengalaman yang luas dalam bidang berkaitan. Jawatankuasa Moderasi APEL.Q juga haruslah mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkaitan kandungan dan struktur program serta mempunyai kelayakan akademik yang lebih tinggi daripada program berkaitan. Bagi Jawatankuasa Moderasi APEL.Q yang mempunyai kelayakan akademik yang setara, mereka perlu mempunyai sekurang-kurangnya lima tahun pengalaman kerja dalam bidang yang berkaitan. Tidak mempunyai konflik kepentingan dengan organisasi/syarikat di mana FVV akan dilaksanakan.

Keahlian Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran APEL.Q di F/I/P adalah seperti berikut:


- Pengerusi – Penyelaras/Ketua program
- Ahli – sekurang-kurangnya dua (2) orang
- Urus Setia

3.4.2 Terma rujukan Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran APEL.Q :

- i. Mengesahkan kesesuaian kaedah pentaksiran dan rubrik pentaksiran APEL.Q dengan keperluan HPP program;
- ii. Memastikan kaedah pentaksiran dan rubrik pentaksiran APEL.Q yang dibangunkan dapat mencapai tahap kompetensi yang diperlukan oleh program.
- iii. **Memoderasi hasil taksiran/pemarkahan skrip jawapan yang diberikan Penilai Dalam dan Luar.**

Jadual 3.1: Proses Pembangunan dan Kelulusan Rubrik (Rujuk Rajah 3.1: Carta Alir Proses Pembangunan dan Kelulusan Rubrik).

Bil.	Proses/Prosedur	Tindakan
1.	Membuat pemetaan antara Hasil Pembelajaran Program (HPP) dan juga Hasil Pembelajaran Kursus (HPK) dengan Kaedah Pentaksiran.	JK Penilai APEL.Q
2.	Menetapkan kaedah pentaksiran, jenis pentaksiran dan pengagihan peratusan kaedah pentaksiran mengikut keperluan HPP.	
3.	Menyediakan Jadual Spesifikasi Ujian untuk pentaksiran Ujian Cabaran	
4.	Membangunkan rubrik berdasarkan kaedah pentaksiran mengikut keperluan HPP	
5.	Menyediakan skema jawapan berdasarkan kaedah pentaksiran mengikut keperluan HPP	
6.	Memperakukan rubrik dan skema pentaksiran dalam mesyuarat Jawatankuasa Penilai APEL.Q	
7.	Menyerahkan rubrik yang telah diperakukan kepada Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran APEL.Q	Pengerusi, JK Penilai APEL.Q
8.	Melakukan moderasi terhadap rubrik, soalan dan skema jawapan berdasarkan kaedah pentaksiran mengikut keperluan HPP	Jawatankuasa Moderasi Pentaksiran APEL.Q
9.	Meluluskan rubrik, soalan dan skema jawapan untuk pemakaian	Jawatankuasa khas di peringkat fakulti



Rujuk 3.1: Carta Alir Proses Pembangunan dan Kelulusan Rubrik

BAB 4 : PROSES DAN PROSEDUR PERMOHONAN APEL.Q

4.1 Permohonan APEL.Q

Permohonan APEL.Q adalah terbuka untuk semua pelajar yang telah diterima masuk ke UKM dan telah mematuhi syarat-syarat berikut:

- i. Pemohon telah mendaftar sebagai pelajar UKM;
- ii. Membuat permohonan APEL.Q bagi program yang telah mendapat kelulusan Pelaksanaan APEL.Q oleh MQA sahaja.

UKM juga menerima permohonan daripada calon yang belum berdaftar sebagai pelajar. Walau bagaimanapun calon pelajar akan melalui proses tapisan awal kelayakan masuk ke program pengajian dan mendaftar sebagai pelajar sama ada secara konvensional atau melalui saluran APEL.A. Pendaftaran calon ke program pengajian tidak melayakkan calon pelajar untuk meneruskan pengajian menerusi APEL.Q. Calon perlu menjalani proses pentaksiran APEL.Q sebagaimana pelajar lain di UKM. Proses permohonan APEL.Q daripada calon yang belum berdaftar sebagai pelajar adalah seperti di **Jadual 4.1** (rujuk **Rajah 4.1** Carta alir pengurusan permohonan APEL.Q oleh calon yang belum berdaftar sebagai pelajar Pelajar UKM).

Pelajar perlu berhubung dengan pegawai di Unit APEL bagi mendapatkan maklumat seperti proses dan prosedur serta senarai Penasihat daripada Unit APEL. Unit APEL adalah sebuah unit di bawah Pusat Pengurusan Akademik UKM yang berfungsi sebagai pusat sehenti (*one stop centre*) bagi menyelaraskan pelaksanaan APEL di UKM.

Pelajar perlu melengkapkan Borang Penilaian sendiri seperti di **Lampiran E** semasa sesi pertemuan di antara pelajar dan Penasihat APEL.Q. Maklumat penilaian sendiri tersebut akan digunakan oleh Penasihat APEL.Q untuk menilai kelayakan pelajar bagi memohon APEL.Q. Menerusi **Bahagian C** borang ini, pelajar diminta untuk menulis Laporan Pentaksiran Diri untuk menunjukkan kompetensi pelajar berdasarkan pengalaman pembelajaran terdahulu dan dipetakan dengan HPP. Laporan ini hendaklah tidak kurang daripada 1000 patah perkataan.

Pelajar perlu membuat permohonan awal APEL.Q melalui aplikasi dalam talian MQA sebelum meneruskan proses pentaksiran APEL.Q. Tempoh untuk pelajar membuat permohonan APEL.Q adalah terbuka pada bila-bila masa sepanjang pengajian di UKM tertakluk kepada syarat permohonan APEL.Q dan syarat penganugerahan APEL.Q. Walau bagaimanapun pelajar dinasihatkan untuk membuat permohonan APEL.Q semasa berada di Tahun 1.

Setiap permohonan pelajar akan dikenakan yuran pemprosesan APEL.Q mengikut jumlah yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bendahari UKM. Yuran yang dikenakan tidak akan dipulangkan sekiranya pelajar gagal pentaksiran APEL.Q.

Proses permohonan APEL.Q pelajar UKM adalah seperti di **Jadual 4.2** (rujuk **Rajah 4.2** Carta alir pengurusan permohonan APEL.Q UKM oleh Pelajar UKM):

Jadual 4.1: Proses Permohonan APEL.Q oleh Calon yang Belum Berdaftar Sebagai Pelajar

